



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI ATAS TALIAN TEKS CETAKAN SEMULA
YANG KEMAS KINI

Akta 270

**AKTA ISTANA NEGARA
(ELAUN-ELAUN DIRAJA) 1982**

Sebagaimana pada 1 September 2012

**AKTA ISTANA NEGARA
(ELAUN-ELAUN DIRAJA) 1982**

Tarikh Perkenan Diraja 30 April 1982

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 13 Mei 1982

Kali terakhir dipinda melalui
P.U.(A) 359/2011 yang mula
berkuat kuasa pada 1 November 2011

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 270****AKTA ISTANA NEGARA
(ELAUN-ELAUN DIRAJA) 1982**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Elaun bagi bekas Yang di-Pertuan Agong
3. Elaun bagi bekas Raja Permaisuri Agong
4. Pembayaran
5. Tanggungan ke atas Kumpulan Wang Disatukan
6. Elaun tidak boleh diserahkan dsb, dan ketidakpakaian Akta Cukai Pendapatan 1967
7. Pindaan Jadual
8. Pemansuhan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 270****AKTA ISTANA NEGARA
(ELAUN-ELAUN DIRAJA) 1982**

Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai pemberian elaun khas dan keistimewaan lain kepada seseorang Raja dan Permaisurinya yang masing-masingnya pernah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

[1 Julai 1981]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) 1982 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 1981.

Elaun bagi bekas Yang di-Pertuan Agong

2. Maka hendaklah dibayar kepada seseorang Raja yang pernah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong, bagi seumur hidup, elaun bulanan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama.

Elaun bagi bekas Raja Permaisuri Agong

3. (1) Maka hendaklah dibayar kepada Permaisuri seseorang Raja, yang pernah memegang jawatan Raja Permaisuri Agong, bagi seumur hidup, elaun bulanan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama.

(2) Jika Yang di-Pertuan Agong mangkat semasa memegang jawatan, maka hendaklah diberikan kepada Permaisurinya yang memegang jawatan Raja Permaisuri Agong pada masa kemangkatan Yang di-Pertuan Agong itu elaun dan keistimewaan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi seumur hidupnya sebagai tambahan kepada elaun bulanan yang kena dibayar di bawah subseksyen (1).

Pembayaran

4. Elaun bulanan yang kena dibayar di bawah seksyen 2 dan subseksyen 3(1) hendaklah —

(a) terakru dari hari ke hari; dan

(b) dibayar secara bulanan pada hari terakhir tiap-tiap bulan atau pada mana-mana hari lain dalam bulan itu sebagaimana ditentukan oleh Menteri Kewangan dari semasa ke semasa.

Tanggungan ke atas Kumpulan Wang Disatukan

5. Jumlah wang yang dikehendaki bagi pembayaran di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan.

Elaun tidak boleh diserahkan, dsb. dan ketidakpakaian Akta Cukai Pendapatan 1967

6. (1) Elaun dan keistimewaan yang diberi di bawah Akta ini tidak

boleh diserahkan atau dipindah milik, atau ditahan, disita atau dilevi mengenai sesuatu tuntutan.

(2) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] tidak terpakai bagi elaun dan keistimewaan yang diberi di bawah Akta ini.

Pindaan Jadual

7. Jemaah Menteri boleh melalui perintah meminda Jadual dari semasa ke semasa.

Pemansuhan

8. Akta Pencen Khas (Raja Permaisuri Agong) 1979 [*Akta 223*] dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

BAHAGIAN I

Bekas Yang di-Pertuan Agong:

Elaun Diraja Istana Negara RM20,250.00

BAHAGIAN II

Bekas Raja Permaisuri Agong:

Elaun Diraja Istana Negara RM6,750.00 sebulan

JADUAL KEDUA

- (a) suatu jumlah wang pukal sebanyak RM2,590.87 sebulan bagi penyenggaraan kereta dan penggajian drebar dan kakitangan istana;
 - (b) sebuah kereta (tidak dikenakan fi pendaftaran dan fi lesen kenderaan motor), atau suatu elaun kereta dalam bentuk jumlah wang pukal sebanyak RM250,000 dan pengecualian daripada fi lesen kenderaan motor bagi sebuah kereta yang didaftarkan di atas namanya sebagai ganti; dan
 - (c) tempat kediaman tanpa sewa di rumah Kerajaan yang disenggara oleh Kerajaan atau jumlah wang pukal elaun rumah sebanyak RM750,000.00 sebagai ganti.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 270

AKTA ISTANA NEGARA (ELAUN-ELAUN DIRAJA) 1982

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 267/1995	Perintah Elaun Diraja (Pindaan Jadual Pertama) 1995	01-01-1994
P.U. (A) 266/2002	Perintah Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan Jadual Pertama dan Kedua) 2002	01-11-2001
P.U. (A) 282/2003	Perintah Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan Jadual Kedua) 2003	01-11-2001
Act A1200	Akta Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan) 2003	01-11-2001
P.U. (A) 306/2003	Perintah Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan Jadual Pertama) (No. 2) 2003	01-11-2001
P.U. (A) 359/2011	Perintah Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan Jadual Pertama) 2011	01-11-2011

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 270****AKTA ISTANA NEGARA
(ELAUN-ELAUN DIRAJA) 1982****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa Dari
3	Akta A1200	01-11-2001
Jadual Pertama	P.U. (A) 267/1995	01-01-1994
	P.U. (A) 266/2002	01-11-2001
	P.U. (A) 306/2003	01-11-2001
	P.U. (A) 359/2011	01-11-2011
Jadual Kedua	P.U. (A) 266/2002	01-11-2001
	P.U. (A) 282/2003	01-11-2001
